



Ruj. Kami : SPA.100-1/5/2 JLD 2 (1)

Tarikh : 5 Februari 2025

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan
YB Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMERHATIAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM
BAGI SUKU TAHUN KEEMPAT (OKTOBER HINGGA DISEMBER) TAHUN
2024**

Dengan hormatnya saya menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan mengenai perkara di atas dan Laporan Pemerhatian Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam terdahulu adalah berkaitan.

2. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) selaku Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam (LRTT) telah menimbang rayuan pegawai yang tidak berpuas hati dengan keputusan Lembaga Tatatertib (LTT) bagi Perkhidmatan Awam Am Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri Melaka, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis. Dalam melaksanakan fungsi tersebut, LRTT mendapati masih terdapat ketidakaturan prosedur dalam pengendalian tindakan tatatertib oleh LTT.

3. Sehubungan itu, SPA telah mengeluarkan surat Pemerhatian LRTT secara berkala dan surat Pemerhatian LRTT yang pertama telah mula diedarkan pada suku tahun ketiga tahun 2020 melalui surat edaran bertarikh 24 September 2020. Untuk makluman YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan, sehingga kini sebanyak 14 Laporan Pemerhatian LRTT telah dikeluarkan dan ianya boleh dicapai melalui portal rasmi SPA di www.spa.gov.my.

4. Berdasarkan penelitian kes-kes rayuan terdahulu, adalah didapati sebahagian besar ketidakaturan yang berlaku adalah ketidakaturan berulang. Ketidakaturan prosedur boleh menyebabkan keputusan LTT dicabar di mahkamah sekiranya pegawai memfailkan semakan kehakiman dan keputusan tersebut boleh dibatalkan oleh mahkamah. Justeru, bagi memastikan keteraturan prosedur dalam pengendalian tindakan tatatertib, LRTT telah membuat pemerhatian terhadap kertas-kertas rayuan yang dipertimbangkan dan bersama-sama ini disertakan **Laporan Pemerhatian LRTT Bagi Suku Tahun Keempat (Oktober Hingga Disember) Tahun 2024** seperti di Lampiran.


5. Perhatian dan kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai agar kepentingan perkhidmatan awam dapat dipertahankan.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK IKHBAL HANAM BIN MUKRAS)

LAPORAN PEMERHATIAN LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB PERKHIDMATAN AWAM
BAGI SUKU TAHUN KEEMPAT (OKTOBER-DISEMBER) TAHUN 2024

1. SURAT PERTUDUHAN
KEKERAPAN PEMERHATIAN: 53

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Kelewatan memulakan tindakan tatatertib.	Tindakan tatatertib hendaklah segera dimulakan terhadap pegawai apabila lembaga tatatertib menerima laporan salah laku.
2.	Kesilapan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai.	Memastikan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai adalah tepat.
3.	Tidak dialamatkan kepada alamat kediaman terkini pegawai.	Peraturan 52(1) Peraturan-Peraturan Lembaga Perkhidmatan Awam 1993 yang menyatakan bahawa notis apa-apa notis atau dokumen hendaklah disampaikan kepada pegawai di alamat kediaman yang diberikan oleh pegawai kepada Ketua Jabatannya. Sekiranya pegawai tiada di rumah, serahan tidak perlu dibuat secara serahan tangan dan boleh menggunakan kaedah pos biasa.
4.	Pertuduhan tidak jelas atau tidak lengkap atau tidak tepat dan tidak memperincikan kesalahan yang dilakukan oleh pegawai.	Memastikan semua fakta dan butir-butir yang spesifik berhubung perbuatan salah laku pegawai serta peruntukan mana-mana peraturan yang dilanggar dimasukkan di dalam surat pertuduhan.
5.	Menggabungkan beberapa fakta/ jenis kesalahan dalam satu pertuduhan.	Satu pertuduhan hendaklah mengandungi satu kesalahan sahaja.
6.	Surat pertuduhan mengandungi maklumat-maklumat yang tidak tepat dan tidak lengkap.	Sesuatu pertuduhan yang dihadapkan kepada pegawai hendaklah mengandungi maklumat-maklumat yang tepat dan mematuhi prinsip-prinsip keadilan asasi di mana pertuduhan dan alasan pertuduhan

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
		hendaklah tepat, jelas, berasas dan mempunyai bukti yang mencukupi.
7.	Membuat rujukan peruntukan/ peraturan yang tidak tepat.	Pemilihan peruntukan hendaklah yang berkaitan dengan kesalahan.
8.	Ditandatangani atas kapasiti jawatan di jabatan/kementerian.	Hendaklah ditandatangani atas kapasiti sebagai pengerusi atau ahli lembaga tatatertib yang diberi kuasa.
9.	Mengambil tindakan tatatertib biasa bagi kesalahan jenayah.	Tiada keperluan mengemukakan surat pertuduhan bagi pegawai yang telah disabitkan atas suatu kesalahan jenayah.

Berikut merupakan prinsip perundangan berdasarkan kes mahkamah yang berkaitan teguran di atas:

a. Pertuduhan yang lengkap (*Knowing the case against him*)

Sesuatu pertuduhan hendaklah mengandungi maklumat-maklumat yang tepat, jelas, berasas dan mempunyai bukti yang mencukupi untuk tujuan pembelaan diri.

B Surinder Singh Kanda v The Government of the Federation of Malaya [1962] MLJ, FC

Penghakiman *Privy Council* di muka surat 17:

“if the right to be heard is to be a real right which is worth anything it must carry with it a right in the accused person to made affecting him; and then he must be given a fair opportunity to correct or contradict them. The decision-maker must not hear or receive evidence behind the back of the accused person.”

b. Kelewatan (*Delay*) dan Pemaafan (*Condonation*)

i. Mohd Zulhazi Mohd Zulkifli v Suruhanjaya Pasukan Polis DiRaja Malaysia & 1 lagi [2014] 1LNS 574

(Mahkamah Rayuan) - Kelewatan selama 5 tahun mengambil tindakan tatatertib

ii. Public Service Commission Malaysia & Anor v Vickneswary a/p RM Santhivelu (Menggantikan M Senthivelu a/ R. Marimuthu (si mati) [2008] 6 MLJ 1

(Mahkamah Persekutuan)

Kelewatan 7 tahun mengambil tindakan tatatertib, di mana mahkamah telah menegaskan bahawa kelengahan yang panjang dalam mengendalikan tindakan tatatertib terhadap pekerja, jika tiada penjelasan yang munasabah berkaitan dengan

kelengahan tersebut dan ditambah dengan faktor-faktor lain, boleh membangkitkan keterangan kukuh bahawa perbuatan salah laku pekerja terbabit telah dimaafkan oleh majikannya.

**2. ULASAN KETUA JABATAN TERHADAP REPRESENTASI
KEKERAPAN PEMERHATIAN: 6**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Penyediaan ulasan oleh pegawai yang turut terlibat secara langsung dalam kesalahan yang dipertuduhkan.	Penyediaan ulasan hendaklah disediakan oleh pegawai yang tidak terlibat dalam kesalahan yang dipertuduhkan.
2.	Penyediaan ulasan tidak merujuk kepada representasi yang dikemukakan oleh pegawai/ pertuduhan yang dipertuduh.	Penyediaan ulasan hendaklah merujuk kepada representasi yang dikemukakan oleh pegawai/ pertuduhan yang dipertuduh.

Berikut merupakan prinsip perundangan berdasarkan kes mahkamah yang berkaitan teguran di atas:

Rules Against Bias

Rohana bte Ariffin v Universiti Sains Malaysia [1989] 1 MLJ 487, HC

'When the disciplinary authority was deliberating the breach of discipline, the Registrar, who was complainant, was present. The court quashed the decision to dismiss the plaintiff on the grounds of bias, as the Registrar was present during the deliberations to dismiss the plaintiff'.

**3. MINIT MESYUARAT LEMBAGA TATATERTIB
KEKERAPAN PEMERHATIAN: 77**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Tidak menyatakan tarikh kuat kuasa hukuman yang dikenakan.	Setiap kesalahan hendaklah dinyatakan tarikh kuat kuasa hukuman.
2.	Terdapat ketinggalan dan kesilapan maklumat serta mengandungi maklumat yang tidak tepat.	Maklumat yang dikandungkan hendaklah tepat dan betul.
3.	Terdapat ketinggalan jawatan dan gred pegawai bagi Pengerusi dan anggota Lembaga Tatatertib.	Butiran tersebut adalah penting kerana keanggotaan Lembaga Tatatertib yang dinyatakan dalam jadual Peraturan-Peraturan Pegawai Awam 1993 merujuk kepada jawatan pegawai di jabatan tersebut.
4.	Terdapat ketinggalan maklumat berhubung representasi pegawai yang telah dipertimbang dan ulasan Ketua Jabatan.	Maklumat berhubung representasi pegawai yang telah dipertimbang hendaklah betul dan tepat.
5.	Hukuman yang dikenakan tidak dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.	Hukuman yang dikenakan hendaklah dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.
6.	Mengambil kira fakta kesalahan lampau yang tidak dipertuduh.	Lembaga Tatatertib hendaklah mengambil kira fakta kesalahan yang dipertuduh.
7.	Membuat rujukan kepada Peraturan 38(g) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi tindakan tatatertib berasaskan sabitan jenayah di mahkamah.	Rujukan yang tepat untuk dirujuk adalah Peraturan 33(1)(a) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
8.	Kesilapan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai.	Memastikan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai adalah tepat.

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
9.	Ketinggalan merujuk kepada Peraturan 28(6) Peratutan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi keputusan mengeluarkan Perintah Gantung Kerja terhadap pegawai.	Keputusan mengeluarkan Perintah Gantung Kerja hendaklah merujuk Peraturan 28(6) Peratutan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 kerana ini merupakan peruntukan spesifik tentang keputusan menggantung kerja pegawai.
10.	Membuat rujukan peruntukan/peraturan yang tidak tepat.	Pemilihan peruntukan hendaklah yang berkaitan dengan kesalahan.
11.	Terdapat isu <i>proportionality</i> yang berbangkit daripada hukuman yang dikenakan kepada pegawai.	Berdasarkan prinsip <i>proportionality</i> , Lembaga Tatatertib semasa membuat keputusan mengenakan hukuman tatatertib hendaklah mengambil kira bahawa hukuman yang dikenakan berpadanan dengan kesalahan yang dipertuduhkan kepada pegawai.
13.	Terdapat kehadiran Ahli Jemputan iaitu seorang Ketua Jabatan bagi tujuan tindakan tatatertib.	Kehadiran Ketua Jabatan di dalam mesyuarat Lembaga Tatatertib hendaklah dielakkan kerana ia boleh membangkitkan anggapan kehadiran beliau ialah untuk mempengaruhi Lembaga Tatatertib membuat keputusan.
14.	Hukuman yang dinyatakan tidak jelas dan tidak lengkap.	Hukuman yang dinyatakan hendaklah jelas dan lengkap.
15.	Terdapat catatan bahawa pegawai boleh dikenakan hukuman yang lebih berat jika pegawai mengulangi kesalahan.	Hal ini tidak sewajarnya dijadikan catatan keputusan Lembaga Tatatertib kerana ia seolah-olah Lembaga Tatatertib telah membuat keputusan awal sebelum menimbang pembelaan pegawai bagi kesalahan akan datang.
16.	Alasan Lembaga Tatatertib pada dokumen alasan dan minit mesyuarat berbeza.	Penyediaan dokumen Alasan Lembaga Tatatertib seharusnya bergantung pada alasan di dalam minit mesyuarat.

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
17.	Menimbang keputusan mahkamah terhadap pertuduhan yang tidak diputuskan oleh mahkamah.	Tiada keperluan perundangan untuk penentuan hukuman di bawah Peraturan 33(1)(a) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 diputuskan oleh Lembaga Tatatertib.

Berikut merupakan prinsip perundangan berdasarkan kes mahkamah yang berkaitan teguran di atas:

a. Keperluan menyatakan dapatan salah

Hamdan Bin Ibrahim V Lembaga Tatatertib Hospital Kuala Kangsar & Anor [2000] MLJU 634, HC

Mahkamah menyatakan bahawa "*This court finds that regulation 27(2) is crystal clear that in order to impose the punishment as stipulated under the regulation, the plaintiff must first be found guilty. As the finding of guilt against the plaintiff was nowhere stated either in the letter dated 14.6.96 - exhibit SY 3 or even in any of the affidavits affirmed on behalf of the respondent and relied on by the learned Federal counsel, this court finds that this is a clear case of serious procedural unfairness or breach of procedural fairness and exceeds jurisdiction, which calls for intervention by this court in the decision or the process leading to it*"

b. Dapatan salah dan hukuman hendaklah dibuat berasingan mengikut pertuduhan Mohamad Imran bin Sulaiman v Aloyah binti Mamat, Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1), Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya & 3 lagi (Mahkamah Rayuan Malaysia)

Terdapat lima (5) pertuduhan dan Lembaga Tatatertib di dalam surat keputusan menyatakan Lembaga Tatatertib memutuskan pegawai bersalah bagi pertuduhan dan dijatuhkan hukuman buang kerja. Surat keputusan tidak menyatakan bahawa dapatan salah hanya untuk Pertuduhan Pertama, Kedua dan Kelima.

c. Kepadanan hukuman tatatertib dengan kesalahan yang dipertuduhkan kepada pegawai

Mahkamah Rayuan dalam kes Tan Tek Seng v Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan & Anor [1996] 1 MLJ 261,

memutuskan bahawa " ... pihak berkuasa tatatertib harus, apabila memutuskan apa hukuman yang harus dikenakan ke atas kakitangan awam yang terlibat, telah bertindak secara munasabah dan adil. Jika ia bertindak dengan sewenang-wenangnya atau tidak adil atau mengenakan suatu hukuman yang tidak sepadan dengan salah laku yang berkenaan, keputusannya akan terpaksa dibatalkan atau diketepikan". Bagi kes

pegawai, Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam telah meneliti rayuan pegawai, ulasan Ketua Jabatan, rekod prosiding Lembaga Tatatertib, dan alasan Lembaga Tatatertib berpandangan bahawa, suatu hukuman yang lebih ringan patut dikenakan kepada pegawai.

**4. SURAT KEPUTUSAN
 KEKERAPAN PEMERHATIAN: 62**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Tidak menyatakan tarikh kuat kuasa hukuman yang dikenakan.	Setiap kesalahan hendaklah dinyatakan tarikh kuat kuasa hukuman.
2.	Tidak dialamatkan kepada alamat kediaman terkini pegawai.	Peraturan 52(1) Peraturan-Peraturan Lembaga Perkhidmatan Awam 1993 yang menyatakan bahawa notis apa-apa notis atau dokumen hendaklah disampaikan kepada pegawai di alamat kediaman yang diberikan oleh pegawai kepada Ketua Jabatannya. Sekiranya pegawai tiada di rumah, serahan tidak perlu dibuat secara serahan tangan dan boleh menggunakan kaedah pos biasa.
3.	Keputusan dapatan salah yang dikenakan tidak dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.	Dapatan salah yang dikenakan hendaklah dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.
4.	Terdapat ketinggalan maklumat berhubung representasi pegawai yang telah dipertimbang dan ulasan Ketua Jabatan.	Maklumat berhubung representasi pegawai yang telah dipertimbang hendaklah betul dan tepat.
5.	Hukuman dan tarikh kuat kuasa yang dikenakan tidak dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.	Hukuman yang dikenakan hendaklah dibuat berasingan bagi pertuduhan yang melebihi satu.
6.	Tidak merujuk kepada peraturan/ seksyen hukuman yang tepat bagi kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pegawai.	Rujukan kepada peraturan hendaklah tepat dan betul bagi kesalahan yang dipertuduhkan ke atas pegawai.
7.	Hukuman yang dinyatakan tidak jelas dan lengkap.	Hukuman yang dinyatakan hendaklah jelas dan lengkap.
8.	Tidak menyatakan rujukan terhadap Peraturan 14 dan 15(1), Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.	Peraturan ini hendaklah di masukkan dalam surat keputusan dengan lengkap supaya pegawai faham akan hak membuat rayuan.

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
9.	Membuat rujukan kepada Peraturan 38(g) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi tindakan tatatertib berasaskan sabitan jenayah di mahkamah.	Rujukan yang tepat untuk dirujuk adalah Peraturan 33(1)(a) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.
10.	Mengandungi maklumat yang tidak tepat dan tidak betul.	Maklumat yang dikandungkan hendaklah tepat dan betul.
11.	Kesilapan menyatakan nama Peraturan bagi rayuan tatatertib.	Nama peraturan yang tepat ialah Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.
12.	Kesilapan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai.	Memastikan butiran pegawai seperti nombor kad pengenalan, nama, jawatan dan tempat bertugas pegawai adalah tepat.
13.	Terdapat catatan bahawa pegawai boleh dikenakan hukuman yang lebih berat jika pegawai mengulangi kesalahan.	Hal ini tidak sewajarnya dijadikan catatan keputusan Lembaga Tatatertib kerana ia seolah-olah Lembaga Tatatertib telah membuat keputusan awal sebelum menimbang pembelaan pegawai bagi kesalahan akan datang.
14.	Tidak menyatakan kapasiti pegawai yang menandatangani surat surat keputusan bagi pihak Pengerusi Lembaga Tatatertib.	Peraturan 53(1) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 memperuntukkan bahawa ahli boleh menandatangani surat bagi pihak Pengerusi Lembaga Tatatertib. Oleh itu, identiti pihak yang menandatangani surat bagi pihak Pengerusi Lembaga Tatatertib hendaklah dinyatakan di ruang tandatangan.
15.	Ditandatangani atas kapasiti jawatan di jabatan/ kementerian.	Hendaklah ditandatangani atas kapasiti sebagai pengerusi atau ahli lembaga tatatertib yang diberi kuasa.
16.	Menimbang keputusan mahkamah terhadap pertuduhan yang tidak diputuskan oleh mahkamah.	Tiada keperluan perundangan untuk penentuan hukuman di bawah Peraturan 33(1)(a) Peraturan-Peraturan Pegawai

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
		Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 diputuskan oleh Lembaga Tatatertib.

Berikut merupakan prinsip perundangan berdasarkan kes mahkamah yang berkaitan teguran di atas:

Dapatan salah dan hukuman hendaklah dibuat berasingan mengikut pertuduhan

Mohamad Imran bin Sulaiman v Aloyah binti Mamat, Pengerusi Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.1), Jabatan Imigresen Malaysia, Putrajaya & 3 lagi
(Mahkamah Rayuan Malaysia)

Terdapat lima pertuduhan dan Lembaga Tatatertib di dalam surat keputusan menyatakan Lembaga Tatatertib memutuskan pegawai bersalah bagi pertuduhan dan dijatuhkan hukuman buang kerja. Surat keputusan tidak menyatakan bahawa dapatan salah hanya untuk Pertuduhan Pertama, Kedua dan Kelima.

**5. ULASAN KETUA JABATAN TERHADAP RAYUAN
 KEKERAPAN PEMERHATIAN: 9**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Ulasan lewat dikemukakan kepada Lembaga Rayuan Tatatertib Perkhidmatan Awam.	Ketua Jabatan sepatutnya menyediakan ulasan dalam masa 30 hari daripada penerimaan rayuan pegawai berdasarkan Peraturan 15(2) Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993.
2.	Mengandungi maklumat yang tidak tepat.	Maklumat yang dikandungkan hendaklah tepat dan betul.
3.	Ditarikhkan lebih awal daripada tarikh Lembaga Tatatertib memutuskan kes pegawai/ surat rayuan pegawai.	Ulasan hendaklah dikemukakan selepas rayuan diterima daripada perayu.
4.	Penyediaan ulasan oleh pegawai yang turut terlibat secara langsung dalam kesalahan yang dipertuduhkan.	Penyediaan ulasan hendaklah disediakan oleh pegawai yang tidak terlibat dalam kesalahan yang dipertuduhkan.
5.	Penyediaan ulasan tidak merujuk kepada representasi yang dikemukakan oleh pegawai/ pertuduhan yang dipertuduh.	Penyediaan ulasan hendaklah merujuk kepada representasi yang dikemukakan oleh pegawai/ pertuduhan yang dipertuduh.

Berikut merupakan prinsip perundangan berdasarkan kes mahkamah yang berkaitan teguran di atas:

Privy Council iaitu B. Surinder Singh Kanda v Government of Malaysia

di mana Lord Denning menyatakan "If the right to be heard is to be real right which is worth anything, it must carry with it a right in the accused man to know the case which is made against him....."

**6. PERINTAH TAHAN KERJA
KEKERAPAN PEMERHATIAN: 1**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Mengandungi maklumat yang tidak tepat.	Maklumat yang dikandungkan hendaklah tepat dan betul.

**7. PERINTAH GANTUNG KERJA
KEKERAPAN PEMERHATIAN: 3**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Ketinggalan merujuk kepada Peraturan 28(6) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 bagi keputusan mengeluarkan Perintah Gantung Kerja terhadap pegawai.	Keputusan mengeluarkan Perintah Gantung Kerja hendaklah merujuk Peraturan 28(6) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 kerana ini merupakan peruntukan spesifik tentang keputusan menggantung kerja pegawai.

**8. PERAKUAN KETUA JABATAN BAGI KES SABITAN JENAYAH
KEKERAPAN PEMERHATIAN: 2**

BIL.	PEMERHATIAN	PENAMBAHBAIKAN
1.	Perakuan Ketua Jabatan tidak dikemukakan.	Ketua Jabatan hendaklah mengemukakan perakuan di bawah Peraturan 29(2), P.U.(A) 395/1993.
2.	Tidak mengikut keperluan peraturan di bawah Peraturan 29(2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993.	Kandungan perakuan hendaklah mengandungi perakuan jenis hukuman yang sesuai di bawah peraturan tersebut.

**DISEDIAKAN OLEH:
BAHAGIAN NAIK PANGKAT DAN TATATERTIB
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA
JANUARI 2025**